

Headline	Kembara kayuhan berbasikal ke Makkah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	24 Nov 2023	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	25	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	543 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,512
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,535



Ahmad (dua dari kiri), Noradilah, Che Saad dan Abdul Halim diberi sokongan oleh rakan-rakan ketika acara pelepasan kayuhan di Masjid Jamek FRIM pada Khamis.

Kembara kayuhan berbasikal ke Makkah

Bekas wartawan *Bernama* dan tiga rakan berhasrat tunaikan ibadat haji

KUALA LUMPUR

Bekas wartawan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (*Bernama*), Che Saad Nordin bersama tiga lagi rakkannya pada Khamis memulakan kayuhan basikal untuk menuju Makkah bagi menunaikan ibadat haji melibatkan perjalanan sejauh 12,000 kilometer (km).

Selain Che Saad, 73, kayuhan itu turut diiringi pasangan suami isteri

Ahmad Mohd Isa, 35, dan Noradilah Mohd Sapie, 36, serta kakitangan Institut Penyelidikan Perhutanan (FRIM), Abdul Halim Talha, 56.

Perjalanan mereka melalui jalan darat yang mengambil masa tujuh bulan itu akan merentasi tujuh negara iaitu Malaysia, Thailand, India, Pakistan, Iran, Emiriah Arab Bersatu (UAE) sebelum dijangka tiba di Arab Saudi pada pertengahan Mei 2024.

Che Saad yang juga ketua misi kayuhan itu berkata, perancangan asal impian untuk berbasikal ke Makkah adalah pada 2019, namun tertangguh beberapa kali ekoran dunia ketika itu di landa pandemik Covid-19.

"Melalui kayuhan ini, saya ingin menyampaikan mesej kepada generasi muda dan orang luar yang saya sebagai rakyat Malaysia walaupun pada usia emas masih mampu ber-

hadapan dengan pelbagai cabaran ketika berada di setiap negara yang bakal dilalui.

"Selain itu, kayuhan ini juga adalah manifestasi kesyukuran saya kepada ALLAH SWT kerana telah mengurniakan nikmat kesihatan yang baik dan mahu menikmatinya melalui kayuhan ke Makkah," katanya selepas acara pelepasan kayuhan itu di Masjid Jamek FRIM.

Che Saad yang pernah bertugas di Baling, Kedah berkata, dia bersama tiga rakan lain telah melakukan persiapan rapi termasuk menyelesaikan dokumentasi seperti insurans, visa dan latihan fizikal dengan kayuhan basikal mengelilingi Semenanjung sejak Ogos lalu.

Tambah Che Saad, pada misi kayuhan itu setiap daripada mereka perlu membawa bebanan yang dianggarkan 60 kilogram seperti kit pertolongan cemas, peralatan perkhemahan, baju sejuk, kamera dan alat ganti basikal.

Sementara itu, Noradilah berkata, kayuhan basikal kali ini sangat berbeza berbanding kayuhan sama dengan suaminya yang pernah dilakukan ke Tanah Suci bagi menunaikan ibadah umrah pada 2016.

"Matlamat kali ini lagi besar iaitu menunaikan Rukun Islam kelima, haji. Jadi, tiada lagi kayuhan seperti dahulu sambil buat umrah dan boleh lagi berbulan madu dengan suami di negara yang dilalui.

"Tapi kali ini setiap perancangan perjalanan perlu lebih serius mengambil kira pandangan dua rakan yang lain," katanya.

Perkembangan semasa misi kayuhan empat warga Malaysia itu boleh diikuti dengan melayari laman rasmi Facebook, *Kembara Memburu Hikmah - KMH* yang akan dikemas kini dari masa ke masa oleh mereka. - *Bernama*



Perjalanan melalui jalan darat akan mengambil masa tujuh bulan dengan merentasi tujuh negara sebelum dijangka tiba di Arab Saudi pertengahan Mei 2024.